

Perpaduan Melayu sekadar 'mitos', Dr M punca balah, kata bekas Ahli Parlimen

FREE MALAYSIA TODAY

May 05, 2023

Robin Augustin

Tawfik Ismail menyelar 'politik untuk kesenangan' oleh bekas PM, pemimpin PAS dan Bersatu dalam 'menyelamatkan' orang Melayu.

PETALING JAYA: Seorang bekas Ahli Parlimen Umno mengkritik cubaan terbaru Dr Mahathir Mohamad untuk "menyatukan" dan "menyelamatkan" orang Melayu, malah menyifatkan penyatuan Melayu sebagai "mitos".

"Mahathir sering menyeru penyatuan Melayu, namun ironinya beliau yang mengakibatkan perbalahan Melayu menerusi tindakannya," kata bekas Ahli Parlimen Sungai Benut, Tawfik Ismail.

Beliau menuduh Mahathir sebagai pemimpin yang memecahbelahkan dan tidak mengendahkan sentimen rakyat, termasuk akar umbi Umno ketika menjadi perdana menteri dan presiden parti.

Beliau memetik krisis Umno pada 1987 yang bukan saja mengakibatkan perpecahan parti, malah krisis Perlembagaan, apabila kerajaan pimpinan Mahathir menggantung seterusnya menyingkirkan Ketua Hakim Negara ketika itu, Salleh Abas.

Perdana menteri paling lama berkhidmat itu juga bergaduh dengan hampir semua sekutunya, kata Tawfik.

Beliau mengulas laporan beberapa pemimpin PAS dan Bersatu menandatangani Proklamasi Orang Melayu bagi menyatukan dan “menyelamatkan” orang Melayu.

Pemimpin itu yang termasuk Presiden PAS, Abdul Hadi Awang dan Timbalan Presiden Bersatu, Ahmad Faizal Azumu berkata, mereka menandatangani proklamasi itu atas kapasiti peribadi.

“Ketuanan Melayu tidak pernah terancam kerana bilangan orang Melayu yang berkuasa lebih daripada bersekadar dengan populasinya,” kata Tawfik.

Beliau turut menyifatkan ironi untuk Mahathir “bermesra” dengan pemimpin PAS sedangkan beliau “amat negatif” terhadap kelayakan parti Islam itu.

“Itu tipikal bagi Mahathir. Beliau tidak pedulikan prinsip, beliau tidak konsisten dalam memilih musuh.”

Tawfik berkata, jelas Mahathir serta pemimpin PAS dan Bersatu yang menandatangani Proklamasi Orang Melayu itu sekadar bermain “politik untuk kesenangan”.

Beliau menyifatkan penyatuan Melayu sebagai mitos.

“Mahathir dan sekutunya boleh cuba bercakap mengenai penyatuan Melayu, namun tindakan pecah dan perintah sendiri membatalkan sebarang usaha seumpama itu.”

Copyright © 2009 – 2023 FMT Media Sdn Bhd. All Rights Reserved.

Sources:

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/05/perpaduan-melayu-sekadar-mitos-dr-m-punca-balah-kata-bekas-ahli-parlimen/>